

400 penyokong JDT saksikan Istiadat Kemahkotaan

JOHOR BAHRU 23 Mac - Sungguhpun dikenali dalam arena bola sepak tanah air sebagai penyokong setia pasukan Harimau Selatan, Boys Of Straits (B.O.S) turut tidak mahu ketinggalan untuk memeriahkan sambutan Istiadat Kemahkotaan yang berlangsung di Istana Besar Johor Bahru, di sini hari ini.

Difahamkan kira-kira 400 ahli persatuan penyokong pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim (JDT) itu hadir di beberapa lokasi yang menjadi tumpuan pada perarakan Kenderaan Diraja yang dinaiiki Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan

Idris Shah.

Salah seorang ahlinya, **Mohd. Aniq Aziz** memberitahu, sebagai rakyat negeri ini, mereka tidak mahu ketinggalan untuk bersama-sama memeriahkan lagi sambutan sempena upacara penuh bersejarah itu.

"B.O.S bukan sahaja penyokong pasukan JDT yang dipimpin oleh Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim, tetapi kami juga mendokong institusi diraja khususnya di negeri ini.

"Sebagai rakyat Johor, kami mahu bersama ribuan rakyat lain bagi menyatakan penghormatan dan penghargaan kami kepada Sultan," katanya kepada *Utusan*

Malaysia di Dataran Bandaraya, di sini.

Seorang lagi ahli B.O.S, **Mohd. Zameer Maarof** berharap dengan Istiadat Kemahkotaan ini, negeri Johor akan menikmati lebih banyak kejayaan positif pada masa depan.

"Harapan saya mahu melihat negeri ini terus maju dan makmur, bukan sahaja dari segi ekonomi dan sosial, malah dalam bidang sukan, khususnya bola sepak.

"Saya juga berasa bangga dan bertuah kerana dapat hadir bagi menyaksikan Istiadat Kemahkotaan yang amat bersejarah ini kerana kali terakhir diadakan pada tahun 1960," katanya.